



**PENGANALISAAN DAN PENDIDIKAN ASAS
SENI BUNYI TRADISIONAL MELAYU ISLAM
DI ZAMAN MODEN
(SATU KAJIAN KES)**



**DISEDIAKAN OLEH:
FAKHARIAH BINTE LOKMAN**

OGOS 2000M/JAMADILAWWAL 1421H



PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadirat Allah S.W.T. bahawa melalui nama-nama kebesaranNya termasuk Al-Malik, As-Salam, Al-Mu'min, Al-Khaliq, Al-Musawwir, Al-Wahhab, Al-'Alim, As-Sami`, Al-Basir, Al-Wadud, Al-Qawiyy, Al-Mubdi', Al-Wajid, Al-Qadir, Al-Awwal, Al-Akhir, Ar-Rauf, Malikul Mulk, An-Nafi`, An-Nur, Al-Badi` dan ajaranNya melalui Al-Qur'an adalah rujukan yang utama mencetuskan pemikiran saya untuk melakukan penyelidikan demi kepentingan masyarakat Melayu Islam ini. Solawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.`a.w. dan bahawa tanpa Hadith dan Sunnah tidak mungkin saya mengetahui adat dan budaya tuntutan Din al-Islam yang bersifat syumul dan mutlak selaku garispanduan yang jelas bagi saya untuk berjihad.

Para Ulama' dan Umara' di negara Malaysia juga telah memberi sokongan, kerjasama dan kefahaman yang mulia kepada usaha saya dalam penyelidikan ini yang berkonsepkan islamisasi seni muzik dan hiburan. Ia bertujuan untuk mendidik sambil dijadikan media dakwah untuk manusia sejagat dan dinamakan Konsep Mashaaliman dan direalisasikan di bengkel Pusat Kebudayaan Al-Iman sebagai khidmat masyarakat. Mereka adalah YB Dato' Paduka Abdul Hamid Othman, YBhg. Dato' Dr. Mohd. Yusof Noor, YBhg. Datuk Hj. Zainal Abidin Hj. Abdul Kadir, YBhg. Datuk Prof Ir. Dr. Haji Ahmad Zaidee Laidin, YBrs. Encik Ismail Adam, YBhg. Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid, YBhg. Brig. Jen. Dato' Hj. Abdul Hamid Hj. Zainal Abidin, YBhg. Dato' Mohd. Adzib Mohd. Isa dan Encik Nor Azman bin Yaakub, YBhg. Dato' Dr. Ismail Hj. Ibrahim dan Dr. Norsaidaul Akmar Mazelan.

DYTM Raja Muda Selangor Darul Ehsan, YAM Raja Dato' Seri Ashman Shah Ibni Sultan Azlan Shah, YBhg. Dato' Ishak Baharom, Tuan Hj. Mohyi Hj.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
MUKA SURAT TAJUK	i
SURAT TAWARAN PENYELIDIKAN	iii
SURAT PENYERAHAN LAPORAN	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	viii
DAFTAR ILUSTRASI	xii
ABSTRAK	xv
KANDUNGAN LAPORAN	1 - 530
1.0 BAB SATU Kajian Dari Perspektif Penyelidik Melayu Islam	1 - 97
1.0.1 Pengenalan	1 - 18
1.0.2 Hipotesis	18 - 25
1.0.3 Permasalahan Penyelidikan	26 - 35
1.0.4 Tujuan Penyelidikan	35 - 41
1.0.5 Objektif Penyelidikan	41 - 43
1.0.6 Rangka Teori Penyelidikan	43 - 58
1.0.7 Kajian Bacaan	59 - 82
1.0.8 Metodologi Penyelidikan	82 - 90
1.0.9 Susunan Bab Penyelidikan	90 - 97
2.0 BAB DUA Asas seni Bunyi dan Seni Muzik Dalam Deen al-Islam	98 - 160
3.0 BAB TIGA Seni Bacaan Al-Qur'an Berasaskan Ilmu Tajwid	161 - 245

ABSTRAK

Bacaan Al-Qur'an serta genre-genre seni bunyi yang dipengarhi olehnya bukan hanya menarik perhatian orang Islam tetapi juga orang bukan Islam melalui Tilawah Al-Qur'an dan suara azan yang berkumandang di tempat-tempat solat dan melalui radio dan televisyen. Malangnya pendedahan ke arah penghayatan dan pembelajarannya hanya terhad kepada masyarakat Melayu Islam yang berpendidikan agama walhal ia sepatutnya disebar luas kepada seluruh masyarakat terutama sekali mereka yang berpendidikan seni muzik yang memang peka terhadap seni temporal. Dengan gabungan kerjasama mereka yang berpendidikan seni lagu Al-Qur'an serta seni muzik barulah sistem pembelajaran yang bersepadu ini dapat membantu ke arah meningkatkan minat terhadap warisan budaya bangsa yang berteraskan budaya Islam sejagat tanpa meninggalkan tradisi tetapi mampu menempa alaf baru dan mengharungi cabaran-cabaran di zaman moden.

Penyelidikan ini diberi pendekatan melalui disiplin etnomuzikologi yang boleh dirumuskan sebagai penyelidikan 'muzik dalam budaya' dan bersifat multidisiplin. Bertitik tolak dengan rujukan utama dalam budaya Islam sebagai *ad-Deen* iaitu Al-Qur'an dan Hadith yang diwahyukan dan disebar luas dalam bahasa Arab klasik (*al-loghat al-Arabiyyah fushah*), berbagai didisiplin ilmu lain diperlukan sebagai bacaan asas untuk melengkapkan penyelidikan ini. Konsep Islam sebagai *ad-Deen* di fahami dan didapati ia bersifat dwitunggal dan mengandungi kesepaduan ilmu *naqliyyah* (yang diwahyukan) dan *ilmu aqliyyah* (yang dicari) sebagai asas epistemologi dalam menunaikan tuntutan fardhu 'ain dan fardhu kifayah. Ilmu-ilmu yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan Deen Islam iaitu *Syari'ah* (mengandungi aspek agama yang bersasaran akhirat) dan *Sunnah* (mengandungi aspek budaya yang bersasaran dunia), kedua-duanya perlu seimbang.

BAB SATU

Pengenalan

Kajian ini yang dilakukan dari perspektif penyelidik Melayu Islam adalah satu usaha untuk mencapai dasar tuntutan hidup yang berasaskan Iman, Ilmu dan Amal dan dirasakan amat perlu (*dharurah*) untuk memenuhi tanggungjawab fardhu 'ain (yang dituntut keatas setiap orang untuk mengetahui dan mempelajarinya iaitu ilmu mengenai 'aqidah dan ibadat) dan fardhu *kifayah* (bersangkutan dengan kehidupan dan kemakmuran di dunia) (Rajah 1). Ia berteorikan 'muzik dalam budaya' yang menggabungkan ilmu *naqliyyah* dan ilmu 'aqliyyah khususnya ilmu seni bunyi Al-Qur'an dan ilmu seni muzik yang merupakan kajian kes untuk mengesan perkembangan seni bunyi tradisional Melayu Islam yang berteraskan Tradisi Besar (*Great Tradition*) Islam iaitu lebih terpengaruh kepada budaya Islam yang mutlak daripada budaya-budaya tempatan yang berubah-ubah seperti terdapat dalam genre-genre muzik dari Tradisi Kecil (*LittleTradition*).

Data-data diperolehi daripada pendidikan asas ilmu pengetahuan Islam dan penganalisaan asas seni bunyi Al-Qur'an serta ciri-ciri yang terkandung dalamnya. Genre-genre lain serta asas seni muzik yang dipengaruhi oleh tradisi Islam amnya dan bacaan Al-Qur'an khususnya juga diselidiki untuk menghasilkan satu alat panduan pembelajaran sebagai alternatif yang boleh membantu kaedah tradisi lisan dan mengisi bahan kurikulum pembelajaran seni bunyi dan muzik yang berteraskan Islam. Penganalisaan seni bunyi *Al-Qur'an*, *azan*, *zikir*, *solawat*, *berzanji*, *marhaban*, *nasyid* dan *kompang* dijalankan untuk memperolehi data bagi tujuan pendidikan asas. Untuk tujuan mengumpul maklumat, selain dari bahan-bahan bacaan mengenai